

**LAPORAN ANALISIS**  
**TINJAUAN PENDAPAT BAHAGIAN DASAR PEMBANGUNAN**  
**WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

---

**LATAR BELAKANG**

1. Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menjalankan 6 set tinjauan pendapat sebagai panduan untuk KPWKM melaksanakan sebarang cadangan, dasar atau program setelah mengambil kira pandangan daripada *stakeholder*/masyarakat. 6 set tinjauan pendapat yang telah dijalankan adalah seperti berikut:
  - a. Penyediaan Teksi Khas Untuk Wanita Yang Dipandu Oleh Wanita;
  - b. Keperluan Penggubalan Akta Gangguan Seksual Di Malaysia;
  - c. Tempoh Atau Had Masa Bagi Penerima Bantuan Untuk Menerima Bantuan Kebajikan Di Bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat;
  - d. Penjagaan Warga Emas;
  - e. Jenis TASKA Pilihan Untuk Anak Anda; dan
  - f. Pandangan Masyarakat Terhadap Keperluan Sistem Saringan Keselamatan
  
2. Sebagai permulaan, tinjauan pendapat ini telah dijalankan kepada orang ramai secara *online* menerusi sistem *google.docs* semasa sambutan Ulang Tahun ke-10 KPWKM pada 17 Januari 2011. Selain itu, tinjauan pendapat ini juga diedar menerusi e-mel dan *hard copy* kepada kementerian, agensi, jabatan, pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, institusi pengajian tinggi serta sektor swasta di seluruh Malaysia.

3. Bilangan responden yang telah menyertai tinjauan pendapat ini adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK TINJAUAN PENDAPAT</b>	<b>JUMLAH RESPONDEN</b>
i.	Penyediaan Teksi Khas Untuk Wanita Yang Dipandu Oleh Wanita	<b>3,282</b>
ii.	Keperluan Penggubalan Akta Gangguan Seksual Di Malaysia	<b>3,180</b>
iii.	Tempoh Atau Had Masa Bagi Penerima Bantuan Untuk Menerima Bantuan Kebajikan Di Bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat	<b>3,165</b>
iv.	Penjagaan Warga Emas	<b>3,084</b>
v.	Jenis TASKA Pilihan Untuk Anak Anda	<b>3,300</b>
vi.	Pandangan Masyarakat Terhadap Keperluan Sistem Saringan Keselamatan	<b>3,246</b>

## **HASIL TINJAUAN PENDAPAT**

4. Berdasarkan maklum balas yang diterima, berikut adalah hasil tinjauan pendapat tersebut:

**i. Penyediaan Teksi Khas Untuk Wanita Yang Dipandu Oleh Wanita**

- Perkhidmatan teksi khas untuk wanita yang dipandu oleh wanita:

- a. **77%** responden bersetuju perkhidmatan teksi khas untuk wanita perlu diperkenalkan;
  - b. **13%** responden tidak bersetuju perkhidmatan teksi khas untuk wanita diperkenalkan; dan
  - c. **10%** responden tidak kisah sekiranya perkhidmatan teksi khas untuk wanita diperkenalkan.
- Perkhidmatan teksi khas untuk wanita dapat mengurangkan risiko bahaya dan bilangan kes-kes jenayah sosial (bunuh dan rogol) terhadap wanita:
    - a. **75%** responden bersetuju perkhidmatan teksi khas untuk wanita dapat mengurangkan risiko bahaya dan bilangan kes jenayah sosial (bunuh dan rogol) terhadap wanita;
    - b. **12%** responden tidak bersetuju perkhidmatan teksi khas untuk wanita dapat mengurangkan risiko bahaya dan bilangan kes jenayah sosial (bunuh dan rogol) terhadap wanita; dan
    - c. **13%** responden tidak pasti sama ada perkhidmatan teksi khas untuk wanita dapat mengurangkan risiko bahaya dan bilangan kes jenayah sosial (bunuh dan rogol) terhadap wanita.
  - Golongan wanita akan berasa yakin dan selamat untuk menaiki perkhidmatan teksi khas untuk wanita:
    - a. **84%** responden bersetuju golongan wanita akan berasa yakin dan selamat untuk menaiki perkhidmatan teksi khas untuk wanita;

- b. **7%** responden tidak bersetuju golongan wanita akan berasa yakin dan selamat untuk menaiki perkhidmatan teksi khas untuk wanita; dan
  - c. **9%** responden tidak pasti sama ada golongan wanita akan berasa yakin dan selamat untuk menaiki perkhidmatan teksi khas untuk wanita.
  
- Golongan wanita akan kerap menggunakan perkhidmatan teksi khas untuk wanita:
  - a. **75%** responden bersetuju golongan wanita akan kerap menggunakan perkhidmatan teksi ini;
  - b. **17%** responden tidak pasti sama ada golongan wanita akan kerap menggunakan perkhidmatan teksi ini; dan
  - c. **8%** responden berpendapat golongan wanita tidak akan menggunakan secara kerap perkhidmatan teksi ini.
  
- Perkhidmatan teksi khas untuk wanita perlu disediakan pada:
  - a. **69%** responden bersetuju perkhidmatan teksi khas untuk wanita disediakan pada waktu malam (7.00 malam - 12.00 tengah malam);
  - b. **57%** responden bersetuju perkhidmatan teksi khas untuk wanita disediakan pada waktu siang (6.00 pagi - 7.00 malam) dan;
  - c. **47%** responden bersetuju perkhidmatan teksi khas untuk wanita disediakan pada waktu tengah malam (12.00 tengah malam - 6.00 pagi).

## ii. Keperluan Penggubalan Akta Gangguan Seksual Di Malaysia

- Responden yang pernah diganggu secara seksual:
  - a. **48%** responden pernah diganggu secara seksual; dan
  - b. **52%** responden tidak pernah mengalami gangguan seksual.
  
- Gangguan seksual berlaku di:
  - a. **60%** gangguan seksual berlaku di pengangkutan awam;
  - b. **56%** gangguan seksual berlaku di tempat awam;
  - c. **47%** gangguan seksual berlaku di tempat kerja;
  - d. **12%** gangguan seksual berlaku di sekolah;
  - e. **7%** gangguan seksual berlaku di rumah; dan
  - f. **4%** gangguan seksual berlaku di lain-lain tempat.
  
- Keberkesanan undang-undang sedia ada untuk menangani gangguan seksual:
  - a. **58%** responden tidak bersetuju undang-undang sedia ada memadai untuk menangani gangguan seksual;
  - b. **24%** responden tidak pasti sama ada undang-undang sedia ada memadai untuk menangani gangguan seksual; dan
  - c. **18%** responden bersetuju undang-undang sedia ada sudah memadai untuk menangani gangguan seksual.

- Keperluan untuk Kerajaan menggubal Akta Gangguan Seksual:
  - a. **93%** responden bersetuju Kerajaan perlu menggubal Akta Gangguan Seksual di Malaysia; dan
  - b. **7%** responden tidak bersetuju Kerajaan menggubal Akta Gangguan Seksual di Malaysia.

**iii. Tempoh Atau Had Masa Bagi Penerima Bantuan Untuk Menerima Bantuan Kebajikan Di Bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat**

- Tempoh atau had masa bagi golongan miskin yang sihat tubuh badan dan dikategorikan sebagai produktif untuk menerima bantuan JKM:
  - a. **63%** responden bersetuju golongan miskin yang sihat tubuh badan dan dikategorikan sebagai produktif perlu menerima bantuan kebajikan untuk satu tempoh tertentu; dan
  - b. **37%** responden tidak bersetuju tempoh atau had masa ditetapkan untuk golongan miskin yang sihat tubuh badan dan dikategorikan sebagai produktif untuk menerima bantuan JKM.
  
- Tempoh masa bantuan:
  - a. **32%** responden bersetuju tempoh masa bantuan perlu dihadkan selama setahun;

- b. **19%** responden bersetuju bantuan kebajikan perlu dihadkan selama dua tahun; dan
  - c. **20%** responden bersetuju tempoh bantuan perlu dihadkan selama tiga tahun.
- Keperluan untuk penerima bantuan menghadiri kursus kemahiran kerjaya atau perubahan minda untuk hidup berdikari:
    - a. **98%** responden bersetuju penerima bantuan perlu menghadiri kursus kemahiran kerjaya atau perubahan minda untuk hidup berdikari; dan
    - b. **2%** responden tidak bersetuju penerima bantuan perlu menghadiri kursus kemahiran kerjaya atau perubahan minda untuk hidup berdikari.

#### **iv. Penjagaan Warga Emas**

- Pilihan tempat tinggal apabila tua:
  - a. **92%** memilih untuk tinggal di rumah sendiri apabila tua kelak;
  - b. **5%** responden memilih untuk tinggal di rumah anak/ahli keluarga apabila tua kelak; dan
  - c. **3%** responden memilih untuk tinggal di rumah warga emas kerajaan/swasta.

- Tanggungjawab penjagaan warga emas:
  - a. **96%** responden bersetuju penjagaan warga emas adalah tanggungjawab ahli keluarga; dan
  - b. **4%** responden bersetuju penjagaan warga emas merupakan tanggungjawab Kerajaan.
  
- Harapan warga emas terhadap pusat jagaan warga emas, sekiranya tiada pilihan untuk tinggal bersama keluarga:
  - a. **50%** responden berharap untuk mendapatkan penjagaan harian di pusat warga emas;
  - b. **29%** responden berharap untuk mendapatkan rawatan kesihatan di pusat warga emas; dan
  - c. **21%** responden berharap dapat mempunyai teman/rakan di pusat warga emas.

**v. Jenis TASKA Pilihan Untuk Anak Anda**

- Perkhidmatan TASKA untuk anak:
  - a. **49%** responden pernah/sedang menggunakan perkhidmatan TASKA untuk anak mereka; dan
  - b. **51%** responden tidak menggunakan perkhidmatan TASKA.



- Jenis perkhidmatan TASKA yang sedang/pernah digunakan:
  - a. **38.56%** responden menggunakan perkhidmatan TASKA di rumah untuk anak mereka;
  - b. **24.15%** responden menggunakan perkhidmatan TASKA komuniti untuk anak mereka;
  - c. **21.56%** responden menggunakan perkhidmatan TASKA di tempat kerja untuk anak mereka; dan
  - d. **15.73%** responden menggunakan perkhidmatan TASKA institusi untuk anak mereka.
  
- Pilihan TASKA mengikut keutamaan:
  - a. **69%** responden memilih perkhidmatan TASKA di tempat kerja sebagai keutamaan untuk anak mereka;
  - b. **13%** responden memilih perkhidmatan TASKA di rumah sebagai pilihan utama untuk anak mereka;
  - c. **11%** responden memilih perkhidmatan TASKA institusi sebagai pilihan utama untuk anak mereka; dan
  - d. **7%** responden memilih perkhidmatan TASKA komuniti sebagai keutamaan untuk anak mereka.
  
- Perkhidmatan *baby sitter* bagi kemudahan ibu bapa yang bekerja di luar waktu pejabat/tujuan sosial:
  - a. **86%** responden bersetuju perkhidmatan *baby sitter* diperkenalkan bagi memudahkan ibu bapa yang bekerja di luar waktu pejabat/bagi tujuan sosial; dan

- b. **14%** responden tidak bersetuju perkhidmatan *baby sitter* diperkenalkan bagi kemudahan ibu bapa yang bekerja di luar waktu pejabat/bagi tujuan sosial.

**vi. Pandangan Masyarakat Terhadap Keperluan Sistem Saringan Keselamatan**

- Keperluan sistem saringan keselamatan terhadap pekerja yang berurusan secara terus dengan kanak-kanak:
  - a. **98%** responden bersetuju sistem saringan keselamatan perlu dijalankan terhadap pekerja yang berurusan secara terus dengan kanak-kanak; dan
  - b. **2%** responden tidak bersetuju sistem saringan keselamatan dijalankan terhadap pekerja yang berurusan secara terus dengan kanak-kanak.
  
- 5 kategori / golongan utama yang perlu menjalani sistem saringan keselamatan:
  - a. **91%** - pengasuh dan pengusaha TASKA, tabika, tadika dan pusat jagaan;
  - b. **85%** - pengawal keselamatan;
  - c. **83%** - pemandu bas sekolah;
  - d. **75%** - pekerja di sekolah (guru, tukang kebun, pekerja kantin, pembantu makmal dan lain-lain); dan
  - e. **72%** - pekerja di institusi (JKM dan NGO)

- Sistem saringan keselamatan dapat mengurangkan insiden jenayah terhadap kanak-kanak:
  - a. **98%** responden bersetuju sistem saringan keselamatan dapat mengurangkan insiden jenayah terhadap kanak-kanak; dan
  - b. **2%** responden tidak bersetuju sistem saringan keselamatan dapat mengurangkan insiden jenayah terhadap kanak-kanak.

## **TINDAKAN SUSULAN**

5. Hasil daripada tinjauan pendapat tersebut akan digunakan sebagai panduan dan data sokongan bagi KPWKM untuk melaksanakan sebarang dasar, program dan aktiviti yang melibatkan kumpulan sasar Kementerian.